

SEGAR JALANKAN AKTIVITI SUKAN CAROM DI SELATAN JOHOR



April 2013 - Menyedari aktiviti sukan dan riadah di tempat kerja adalah sesuatu yang penting, SELIA GROUP melalui SEGAR telah menjalankan satu program untuk mengalakkan aktiviti tersebut melalui permainan carom.

Pihak SEGAR telah menjalankan satu program di mana setiap anak syarikat di bahagian Selatan Johor telah dibekalkan dengan satu set alat permainan carom. Sebanyak 10 unit alat permainan tersebut telah diedarkan.

Pemangku Presiden SEGAR, En Hairul Akmal Mohd Yusuf memberitahu bahawa tujuan program ini dijalankan adalah untuk memastikan agar SEGAR sentiasa bergerak aktif di dalam mengadakan aktiviti aktiviti yang berfaedah untuk ahli ahlinya.

Pada amnya, ahli-ahli SEGAR turut menyambut baik dengan usaha yang dijalankan ini. Semoga SEGAR dapat mengadakan lebih banyak program program yang berteraskan gaya hidup sihat di kalangan warga kerja SELIA dan ahli-ahlinya

